

55- Bab Orang Musyrik Masuk Ke Dalam Masjid.⁷³⁵

⁷³⁵ Bab ini diadakan Bukhari untuk menyatakan hukum orang musyrik masuk ke dalam masjid. Para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Oleh kerana masing-masing pihak mempunyai dalil yang agak kuat, Bukhari tidak memutuskan hukumnya. Walaupun pada pendapat beliau sendiri, ia adalah harus. Tetapi beliau tetap tidak mengutarakannya secara terang dengan berkata misalnya: *بَابُ جَوَازِ دُخُولِ الْمُشْرِكِ الْمَسْجِدَ*. Cara seperti ini merupakan salah satu adab dan disiplin yang diguna pakai oleh Bukhari di sepanjang penyusunan kitab Sahihnya ini. Para ulama hadits mengetahui mazhab imam Bukhari dalam sst masalah, biasanya menerusi hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah bab-bab tertentu. Bab di atas sebagai contoh, walaupun tidak mengandungi keputusan Bukhari tentang hukum orang musyrik masuk ke dalam masjid, namun hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawahnya jelas menunjukkan keharusannya. Perincian mazahib mujtahidin berserta dalil-dalil dan hujah-hujah mereka dalam masalah ini adalah seperti berikut: (1) Imam Malik, al-Muzani dan lain-lain berpendapat orang musyrik tidak harus masuk ke dalam semua masjid yang terdapat di dunia ini. Sama ada ia Masjidil Haram, Masjid nabi s.a.w. atau masjid-masjid yang lain. Antara dalil dan hujah mereka ialah dua ayat al-Qur'an berikut ini. Pertamanya ialah:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar ugama Allah maka sesungguhnya perbuatan itu timbul dari ketaqwaan hati (orang mu'min). (Surah al-Hajj: 32). Kata mereka: "Tdk membenarkan orang kafir masuk ke dalam masjid juga merupakan satu tindakan menghormati syiar-syiar ugama Allah. Setelah kita tidak membenarkan orang Islam yang berjunub dan berhaidh masuk ke dalam masjid kerana ketiadaan kelayakan mereka bersembahyang untuk sementara waktu, bagaimana kita akan membenarkan orang kafir yang langsung tidak ada kelayakan itu. Mereka lebih patut tidak dibenarkan. Dan keduanya pula ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا وَإِنْ خِفْتُمْ عِيلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمْ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِن شَاءَ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haraam sesudah tahun ini (tahun kesembilan); dan jika kamu bimbangkan kepapaan, maka Allah akan memberi kekayaan kepadamu dari limpah kurniaNya, jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. (At-Taubah: 28). Kalau Allah melarang orang-orang kafir musyrik masuk ke dalam Masjid Al-Haraam kerana kenajisan kepercayaan mereka, seharusnya mereka juga dilarang daripada memasuki masjid-masjid lain. Ini kerana hukum masjid adalah sama. (2) Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, Imam Syafi'e, Ahmad, Muhammad bin Hasan as-Syaibaani dan lain-lain ulama membezakan di antara Masjid Al-Haraam dan bukan Masjid Al-Haraam. Orang-orang kafir pada pandangan mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam Masjid Al-Haraam sahaja berdasarkan ayat kedua yang telah diberikan di atas. Adapun masjid-masjid lain, mereka diharuskan memasukinya dengan kebenaran orang-orang Islam di samping menjaga adab-adab yang sewajarnya dijaga. Antara dalil mereka ialah hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab di atas. (3) Imam Ahmad dalam satu riwayat yang lain daripada beliau berpendapat orang-orang kafir musyrik bukan sahaja dilarang memasuki Masjid Al-Haraam, malah mereka juga dilarang daripada memasuki tanah haram berdasarkan ayat kedua di atas. Ini kerana sering kali digunakan perkataan al-Masjid al-Haraam di dalam al-Qur'an dan hadits-hadits tetapi yang dimaksudkan ialah tanah haram secara keseluruhannya. Adapun masjid-masjid yang lain, mereka tidak dilarang memasukinya. (4) Imam Bukhari, Abu Hanifah, Ibnu al-Munzir dan orang-orang yang sependapat dengan mereka berdua mengatakan orang kafir sama ada ahli kitab atau bukan ahli kitab tidak dilarang memasuki mana-mana masjid pun di dunia ini. Mereka harus (boleh) memasuki semua masjid, termasuk Masjid al-Haraam. Mereka juga harus dibawa masuk ke dalam masjid dan berada di dalamnya kerana maksud-maksud tertentu. Dua ayat yang dikemukakan di atas bagi mereka tidak boleh dijadikan hujah. Kerana ia tidak ada kena mengena langsung dengan orang kafir masuk ke dalam masjid. Ayat kedua sepintas lalu membayangkan larangan terhadap orang-orang kafir memasuki al-Masjid al-Haraam. Secara tidak langsung ia melarang orang-orang Islam membenarkan orang-orang kafir memasukinya. Tetapi kalau direnung ayat itu dengan saksama dan diambil kira juga asbab an-nuzulnya, ia sebenarnya tidak ada kena mengena langsung dengan orang

٤٤٩ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْلًا قَبْلَ نَجْدٍ فَجَاءَتْ بِرَجُلٍ مِنْ بَنِي حَنِيفَةَ يُقَالُ لَهُ تُمَامَةُ بْنُ أُثَالٍ فَرَبَطُوهُ بِسَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ

449- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id bin Abi Sa'id bahawa dia telah mendengar Abu Hurairah berkata: "Rasulullah s.a.w. telah menghantar satu pasukan berkuda ke arah Najd. Pasukan itu membawa pulang seorang lelaki (sebagai tawanan) dari qabilah Bani Hanifah bernama Tsumaamah bin Utsaal. Mereka pun mengikatnya di salah satu tiang masjid."

kafir masuk ke dalam Masjid al-Haram atau masjid-masjid yang lain. Ayat itu sesungguhnya melarang orang-orang kafir memasuki al-Masjid al-Haram untuk berthawaf dan melakukan ibadat-ibadat haji yang lain selepas tahun kesembilan iaitu tahun turunnya ayat tersebut. Pada tahun kesembilan itu nabi s.a.w. mengutuskan sahabat-sahabatnya di bawah pimpinan Abu Bakar dan 'Ali untuk mengisytiharkan perintah Baginda s.a.w. bahawa: *غَرَبَاتُ الْبَيْتِ غَرَبَاتٌ وَلَا يَطُوفُ بِالْبَيْتِ غَرَبَاتٌ* Bermaksud: "Ketahuilah! Selepas tahun ini (tahun kesembilan) orang musyrik tidak boleh lagi mengerjakan haji dan orang yang bertelanjang tidak boleh lagi berthawaf di Baitillah." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan lain-lain). Mereka juga berpegang dengan hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini di samping hadits Dhimaam bin Tsa'labah yang masuk ke dalam masjid Nabi s.a.w. dengan menaiki unta tanpa bantahan dari sesiapa pun. Hadits Dhimaam ini selain diriwayatkan oleh Bukhari, diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Tirmizi. Selain itu hadits-hadits tentang delegasi Tsaqif, orang-orang Kristian Najraan dan orang-orang kafir Mekah yang datang ke Madinah untuk membayar wang tebusan orang-orang yang tertawan dari kalangan mereka dalam peperangan Badar juga menjadi pegangan golongan 'ulama' ini. Semua mereka yang tersebut itu ditempatkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam masjidnya, di dalam khemah-khemah yang dipasang khusus untuk mereka. Abu Daud di dalam Marasalnya dan Baihaqi di dalam Sunan Kubranya telah mengemukakan semua peristiwa tersebut. Imam Ahmad, Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, al-Baihaqi dan lain-lain tokoh hadits meriwayatkan kisah Jubair bin Muth'im yang datang ke Madinah sebagai salah seorang wakil orang-orang kafir Quraisy Mekah untuk menebus tawanan perang Badar. Ketika itu Jubair belum Islam. Kata Jubair: *فدخلت المسجد ورسول الله صلى الله عليه وسلم يصلي المغرب يقرأ بالطور فكانما صدغ عن قلبي حين سمعت القرآن* Bermaksud: "Saya pun masuk ke dalam masjid. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang bersembahyang Maghrib. Beliau s.a.w. membaca surah At-Thur (di dalam sembahyang itu). Semacam terbelah hatiku ketika mendengar al-Qur'an (yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w.). Di dalam riwayat yang lain Jubair berkata: *وذلك أول ما قرأ* Bermaksud: "Itulah kali pertama iman (Islam) memikat hatiku." Semua riwayat-riwayat ini dengan jelas menunjukkan orang-orang kafir semasa Rasulullah s.a.w. dibenarkan memasuki masjid tanpa sebarang sekatan dan halangan.

باب رفع الصوت في المساجد

56- Bab Mengangkat Suara Di Dalam Masjid.⁷³⁶

⁷³⁶ Bab ini diadakan Bukhari untuk membincangkan tentang hukum mengangkat suara atau meninggikan suara di dalam masjid. Oleh kerana para ulama berbeza pendapat dalam perkara ini dan mereka pula mempunyai dalil yang agak kukuh, Bukhari tidak menyebutkan apa-apa keputusan tentangnya. Sama ada ia dilarang atau tidak. Beliau hanya mengemukakan hadits-hadits yang telah dijadikan dalil oleh masing-masing pihak. Hadits pertama di bawah tajuk bab ini merupakan dalil pihak yang mengatakan mengangkat suara di dalam masjid adalah terlarang. Hukumnya ialah haram atau sekurang-kurangnya makruh. Hadits kedua pula merupakan dalil pihak yang mengharuskannya. **Ibnu Batthaal, Hafiz Ibnu Hajar dan Al-'Aini** berpendapat, bab ini diadakan Bukhari untuk menyatakan perincian tentang hukum mengangkat suara di dalam masjid. Dalam keadaan ada keperluan dan faedah dari sudut keugamaan atau keduniaan, ia diharuskan. Dalam keadaan tidak ada apa-apa keperluan dan faedah pula ia terlarang. Ancaman Saiyyidina 'Umar yang tersebut di dalam hadits pertama adalah berkaitan dengan mengangkat suara di dalam masjid tanpa ada apa-apa keperluan dan faedah. Sementara pertengkaran di antara Ka'ab bin Malik dan Ibnu Abi Hadrad yang membawa kepada pengangkatan suara di dalam masjid, seperti tersebut di dalam hadits kedua pula, tidak ditegur Rasulullah s.a.w. Tidak kerana lain melainkan kerana Ka'ab menuntut haqnya, dan ia adalah sesuatu yang harus (dibolehkan) dilakukan walaupun di dalam masjid. **Syah Waliyyullah** berpendapat, hukumnya adalah makruh. Seolah-olahnya bagi beliau, Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan hukum mengangkat suara di dalam masjid iaitu makruh. **As-Sindi** (Abu al-Hasan Muhammad bin 'Abdil Hadi as-Sindi al-Madani) berpendapat, ada dua kemungkinan Bukhari membuat tajuk bab ini di samping mengemukakan hadits as-Saa'ib bin Yazid dan hadits Ka'ab bin Malik di bawahnya. **Pertama** untuk menyatakan perincian tentang hukum mengangkat suara di dalam masjid. Dalam keadaan ada keperluan dan faedah dari sudut keugamaan atau keduniaan, ia diharuskan. Dalam keadaan tidak ada apa-apa keperluan dan faedah pula ia terlarang sebagai haram atau makruh. **Kedua** untuk menyatakan ia terlarang, baik dalam keadaan ada keperluan dan faedah atau tiada. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. bersegera menghentikan pertengkaran yang berlaku di antara Ka'ab bin Malik dan Ibnu Abi Hadrad. Tindakan Rasulullah s.a.w. menghentikan pertengkaran mereka yang telah menyebabkan suara mereka meninggi, sebenarnya merupakan bantahan beliau s.a.w. terhadap perbuatan mengangkat suara di dalam masjid. **Syeikhul hadits Maulana Muhammad Zakariya** menambahkan alasan bagi kemungkinan kedua yang dikemukakan oleh as-Sindi tadi dengan katanya: "Saiyyidina 'Umar walaupun terkenal mempunyai suara yang keras, tidak menggunakan suaranya ketika memanggil as-Saa'ib bin Yazid. Beliau sebaliknya memanggilnya dengan membalingkan anak batu sahaja. Tidak kerana lain melainkan kerana menyedari bahawa mengangkat suara di dalam masjid adalah terlarang. Rasulullah s.a.w. sendiri ketika mendamaikan Ka'ab bin Malik dan Ibnu Abi Hadrad tidak menggunakan suaranya. Baginda s.a.w. sebaliknya menggunakan isyarat sahaja dalam peristiwa itu. Jadi kedua-dua hadits di bawah tajuk bab ini sesungguhnya dikemukakan oleh Bukhari untuk menyatakan terlarangnya mengangkat suara di dalam masjid. Dengan itu dapatlah diketahui kecenderungan Imam Bukhari dalam masalah ini. Beliau sebenarnya cenderung mengatakan makruh mengangkat suara di dalam masjid dalam semua keadaan." Beliau macam sependapat dengan Malik dan kebanyakan pengikutnya dalam masalah ini. **Hamba yang dha'if ini** (عفا الله عنه) pula berpendapat bahawa untuk mengetahui pendapat Imam Bukhari dalam masalah mengangkat suara di dalam masjid, tidak seharusnya dilihat menerusi bab ini semata-mata. Ia semestinya disimpulkan setelah melihat bab ini dan bab-bab lain yang juga ada kaitan dengannya. Misalnya **باب الأسير أو الغريم يربط في المسجد** (48- Bab Orang Tawanan Atau Orang Yang Berhutang Boleh Diikat Di Dalam Masjid). **باب التقاضي والملازمة** (44- Bab Menuntut Hutang Dan Tetap Berada Bersama Dengan Orang Yang Berhutang Di Dalam Masjid (Untuk Menuntut Hutang)). **باب القضاء واللعان في المسجد بين الرجال والنساء** 17- Bab Mengadili Perbicaraan (Sesuatu Kes) Dan Berli'an Antara Lelaki Dan Perempuan Di Dalam Masjid. Dan **باب عظة الإمام الناس في إثمهم** 13- Bab Nasihat Imam Kepada Orang Ramai Supaya Menyempurnakan Sembahyang Dan (Bab) Keterangan Tentang Qiblat. Jika hadits-hadits di bawah bab-bab yang dikemukakan ini dibawa Bukhari untuk membuktikan keharusannya, maka wajar sekali diterima juga keharusan perkara yang akan terhasil daripadanya. Maksud penulis ialah apabila anda menerima keharusan mengikat orang tawanan di dalam masjid misalnya, kerana Rasulullah s.a.w. sendiri telah melakukannya. Semestinya anda menerima

450- حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا الْحُجَيْدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ حَدَّثَنِي يَزِيدُ بْنُ خُصَيْفَةَ عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ قَالَ كُنْتُ قَائِمًا فِي الْمَسْجِدِ فَحَصَّنِي رَجُلٌ فَتَنَزَّهْتُ فَإِذَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَقَالَ أَذْهَبُ فَأَتِيَنِي بِهِذَيْنِ فَجِئْتُهُ بِهِمَا قَالَ مَنْ أَنْتُمْ أَوْ مِنْ أَيْنَ أَنْتُمَا قَالَا مِنْ أَهْلِ الطَّائِفِ قَالَ لَوْ كُنْتُمَا مِنْ أَهْلِ الْبَلَدِ لَوَجَعْتُكُمَا تَرْفَعَانِ أَصْوَاتَكُمَا فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

450- `Ali bin `Abdillah (al-Madini) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sa'id (al-Qatthaan) meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Ju'aid⁷³⁷ bin Abdir Rahman (bin Aus) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin (`Abdillah bin) Khushaifah

juga keharusan berlakunya kebisingan atau keadaan suara yang meninggi apabila orang tawanan diikat di dalam masjid. Apabila anda menerima keharusan mengadili perbicaraan sesuatu kes di dalam masjid, semestinya anda menerima juga keharusan meninggikan suara di dalamnya. Ini kerana dalam perbicaraan, sering kali berlaku pengangkatan suara oleh pihak-pihak yang terlibat. Bagi penulis, mengangkat dan meninggikan suara di dalam masjid menurut Bukhari bukan sekadar harus jika diperlukan, malah ada kalanya ia merupakan sunnah Nabi s.a.w. Keyataan ini dapat dilihat pada perbuatan Rasulullah s.a.w. sendiri, di mana Baginda apabila berucap, merahlah kedua belah matanya, suaranya meninggi dan kemarahannya ketara sekali. Baginda ketika itu bagaikan seorang penglima perang. Ketika mengimami orang ramai bersembahyang pula, Rasulullah s.a.w. membaca al-Qur'an dengan suara yang nyaring sehingga didengari orang-orang yang berada di luar masjid. Bilal dan mu'azzin-mu'azzin yang lain lima kali sehari semalam melaungkan azan dan iqamat di masjid Nabi s.a.w. sendiri dan di masjid-masjid lain juga. Semua ini berlaku dengan pengetahuan Baginda s.a.w. bahkan di hadapan Baginda s.a.w. sendiri tanpa sebarang teguran. Rasulullah s.a.w. selalu mengajar orang ramai di dalam masjidnya dan berucap di hadapan mereka. Tentu sekali dengan suara yang tinggi dalam keadaan para sahabat yang mendengar begitu ramai dan sebahagian besar daripada mereka berada di belakang atau mereka melimpah hingga ke luar masjid. Bukankah semua ini diketahui Imam Bukhari? Bukankah kenyataan-kenyataan yang tersebut itu terdapat di dalam hadits-hadits yang diriwayatkan oleh beliau sendiri di dalam Sahihnya?? Maka bagaimana kita akan mengatakan Bukhari berpendapat mengangkat suara di dalam masjid adalah makruh secara mutlaq seperti kata Malik dan orang-orang yang sependapat dengannya?! Hadits Ka'ab yang di kemukakan oleh Bukhari di dalam bab ini juga jika diteliti, mengandungi bukti tentang keharusan mengangkat suara di dalam masjid apabila perlu. Bukankah sebelum Rasulullah s.a.w. mengisyratkan kepada Ka'ab agar dikurangkan separuh hutangnya, Baginda s.a.w. memanggilnya terlebih dahulu dengan katanya: "Wahai Ka'ab!". Penggunaan perkataan ^ب sebagai kata seru jelas menunjukkan seruan itu dilakukan dari jauh. Perkataan ^ب merupakan kata seru untuk orang yang berada jauh dari penyeru. Untuk memanggil atau menyeru orang yang berada tidak jauh, digunakan perkataan ^أ bukan ^ب. Rasulullah s.a.w. di dalam hadits Ka'ab di atas jelas telah memanggil Ka'ab dengan kata seru ^ب, maka secara pasti dapat difahami bahawa Ka'ab pada ketika itu berada agak jauh dari Rasulullah s.a.w. Apabila Ka'ab berada jauh, sudah tentulah dia akan dipanggil dengan suara yang tinggi oleh Rasulullah s.a.w. Nah, di situlah letaknya dalil untuk keharusan mengangkat suara di dalam masjid dalam keadaan ada keperluan! Daripada keterangan yang lalu dapatlah disimpulkan bahawa Bukhari dalam masalah ini sebenarnya sependapat dengan jumhur ulama yang mengatakan mengangkat suara di dalam masjid tidak terlarang secara mutlaq. Antara tokoh yang berpendapat demikian ialah Imam Abu Hanifah, Syafi'e, Muhammad bin Maslamah, Ahmad dan lain-lain.

⁷³⁷ Dikenali juga dengan al-Ja'ad. Al-Ja'ad malah merupakan nama sebenarnya. Berdasarkan riwayat al-Ismaa'ili, di dalam isnad ini juga al-Ju'aid disebut sebagai al-Ja'ad dan beliau telah meriwayatkan hadits ini terus daripada as-Saa'ib tanpa perantaraan. Di bawah باب استعمال فضل وضوء الناس yang lalu Bukhari menyebutnya sebagai al-Ja'ad. Di dalam isnad itu juga al-Ja'ad telah meriwayatkan daripada as-Saa'ib tanpa perantaraan. Para ulama mengatakan kedua-duanya adalah sahih. Kerana al-Ja'ad sempat menemui as-Saa'ib dan menerima hadits daripadanya. Menurut ulama-ulama hadits, perbezaan sanad seperti ini tidak mencederakan sesuatu hadits.